

# 'Perdana Menteri bawa salji dari Antartika'

LONDON 23 Feb. — 'Perdana Menteri membawa salji dari Antartika', begitulah andaian sebahagian besar masyarakat Melayu yang hadir di rumah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Datuk Halim Hashim bagi menyerikan majlis Rumah Terbuka Aidiladha, di sini petang ini.

Ini adalah kerana salji yang sememangnya tidak turun sejak awal musim sejuk di London, tiba-tiba sahaja turun memutih apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba.

Ini sekali gus membuatkan sekitar rumah pesuruh jaya yang terletak di Jalan Finchley, Hampstead Barat dekat sini, begitu ceria sekali.

Majlis yang turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali itu dihadiri oleh lebih seribu jempunan yang sebahagian besar terdiri daripada para pelajar Malaysia.

Rindu hadirin terhadap tanah air hilang sebentar apabila berpeluang menikmati juadah tradisi seperti ketupat, lemang, rendang dan pelbagai lagi.

Mereka juga tidak mahu melepaskan peluang untuk beramah mesra dan bergambar dengan Dr. Mahathir dan isteri yang berada di situ selama dua jam. —

*Utusan*